

UMP terima anugerah emas MSOSH 2015

(UTUSAN MALAYSIA
CALAM AKADEMIK)
24/8/2016
m/s 32

Oleh SITI NORIZAT
SHIKH ABDUL JALIL
utusanktn@utusan.com.my

■ KUANTAN 23 OGOS

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) mendapat pengiktirafan daripada Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH) berikutan pencapaiannya dalam memulihara keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dalam Majlis Anugerah MSOSH 2015 di Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.

Anugerah Gold Class II itu diberikan kepada Makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) UMP sebagai penghargaan atas kecemerlangannya melaksanakan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan yang baik di tempat kerja.

Anugerah prestasi keselamatan dan kesihatan berkenaan memberi pengiktirafan kepada semua organisasi ahli atau syarikat-syarikat yang telah mencapai rekod keselamatan dan kesihatan terpuji termasuk peningkatan dalam proses keselamatan dan kesihatan pekerjaan menerusi sistem keselamatan kukuh serta pengurusan kesihatan.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim menerima anugerah berkenaan dalam majlis itu yang turut dihadiri Dekan FKKSA universiti berkenaan, Zulkafli Hassan dan Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Muhammad Hairynizam Muhd. Taib.

Daing Nasir berkata, UMP me-



DAING NASIR IBRAHIM (tiga dari kanan) melihat sijil anugerah Gold Class II yang diperoleh Makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) dalam Majlis Anugerah MSOSH 2015 Occupational Safety & Health Awards di Hotel Dorsett Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.

rupukan satu-satunya universiti awam merangkul anugerah berprestij itu yang merupakan tanda penghargaan terhadap pencapaian staf fakulti di universiti berkenaan dalam mengamalkan budaya kerja selamat dan sihat di tempat kerja mereka.

“Menerusi pengiktirafan ini, ternyata makmal universiti ini mencapai penarafan menggunakan standard industri dan menjadi satu tanda aras baharu bagi amalan keselamatan serta kesihatan pekerjaan di universiti ini,” katanya baru-baru ini.

Sementara itu, Zulkafli berkata, pengiktirafan itu bukan sahaja memberi suntikan semangat kepada kakitangan dalam memperkasa pelaksanaan budaya kerja selamat dan sihat di fakulti tersebut, malah memberi nilai tambah kepada mahasiswa UMP.